NEWS CLIPPING

| | |
|---|---|
| Event | 7-ELEVEN COLLABORATE WITH BOXIT PROVIDING PARCEL SERVICE |
| Publication | SIN CHEW DAILY |
| Page/ Section | BUSINESS |
| Date | 22 MAY 2016 |
| Time | |

# 7-Eleven與BOXiT合作
# 提供包裹寄存服務



嘉里布朗（右起）、格雷戈尔、汉斯彼特为7-Eleven电子包裹储存柜主持推介礼。

大马7-Eleven宣布与包裹运营公司--BOXiT控股达成合作协议，为大众提供包裹寄存服务。配合推介礼，BOXiT也宣布与大马Lazada合作，让通过该网络购物平台网购的民众，前往7-Eleven电子包裹储存柜取货。

大马7-Eleven首席执行员嘉里布朗指出，通过与BOXiT的合作，公司将可提供顾客更多样化的便利与服务。顾客可在全天任何时间到特定7-Eleven分行收取或退换货品。

“此服务将从雪隆区的特定7-Eleven开始，并逐渐扩充至全国分行。取货者在收到领货短讯与密码后，到特定7-Eleven电子包裹储存柜键入手机号码与密码即可取货。”

BOXiT控股公司首席执行员格雷戈尔指出，公司在3月已推出了20个电子包裹储存柜，并将在今年第三季增至50个，第4季增至100个，预计2017年杪的电子包裹储存柜能增至300个，并在2018年杪达到500个。出席推介礼的尚有大马Lazada首席执行员汉斯彼特。

7-Eleven24小时便利店在全马拥有约2千间分店，每天为超过90万顾客提供服务。（SHA）

boxit.com.my

**BOXiT** Holdings Sdn Bhd (BOXiT) menyasarkan 100 lokar bungkusan akan dipasang untuk kemudahan pembeli atas talian (online) di cawangan 7-Eleven terpilih, di seluruh negara, pada akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) BoXiT, Gregor Trawoger berkata, sejak awal tahun sehingga kini, sebanyak 20 lokar bungkusan telah dipasang di cawangan 7-Eleven di seluruh Lembah Klang.

"Kami juga menyasarkan untuk memasang 300 lagi menjelang 2017 dan 500 pada 2018 di seluruh negara," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran lokar bungkusan BOXiT dan pengumuman perkongsian dengan laman web membeli belah dalam talian utama, Lazada Malaysia, baru-baru ini.

Menurutnya, lokar bungkusan percuma dan tersedia 24 jam itu, bertujuan untuk penyimpanan selamat barangan yang dibeli secara online.

"Pemasangan lokar ini akan memudahkan pembeli online untuk mengambil bungkusan belian mereka pada bila-bila masa, siang atau malam.

"Pembeli akan diberikan nombor pin untuk menuntut pembelian mereka di cawangan 7-Eleven berhampiran mereka," katanya.

Tambahnya, dengan adanya lokar BOXiT di 7-Eleven, urusan penerimaan, kutipan dan pemulangan pembelian atas talian menjadi lebih mudah bagi pembeli online.

Sementara itu, CEO 7-Eleven Malaysia, Gary Brown berkata, perkhidmatan itu akan mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai peruncit kedai serbaneka 24 jam utama di negara ini.

"Perkhidmatan lokar bungkusan itu akan memberi kemudahan dan menarik orang ramai untuk membeli belah dalam talian," katanya.

CEO Lazada Malaysia, Hans-Peter Ressel pula berkata, perkhidmatan lokar tersebut secara tidak langsung memberi kemudahan kepada pembeli online di Lazada untuk urusan penghantaran bungkusan.

"Ia akan menarik pembeli untuk memilih lebih enam juta barangan daripada pelbagai jenis produk yang ditawarkan di laman web tersebut tanpa risau dari segi penghantaran," katanya.